

10 MAY 2002

Mahathir-Perbincangan/I

PERBINCANGAN SECARA JUJUR DIJANGKAKAN ANTARA BUSH DAN DR MAHATHIR

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 10 Mei (Bernama) -- "Perbincangan yang jujur, ikhlas dan bersendirian" mengenai perkembangan di Asia Tenggara dan Asia Barat adalah dijangkakan apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengunjungi Presiden George Bush di White House Selasa depan, kata seorang pegawai tinggi Amerika Syarikat di sini pada Khamis.

Dalam satu temuramah eksklusif dengan Bernama, Setiausaha Negara bagi Asia Timur dan Hal Ehwal Awam, James A. Kelly, berkata, "Presiden Bush berminat untuk mendengar pandangan perdana menteri...kerana wawasan Dr Mahathir (mengenai isu ini) adalah unik,"

"Bush - bukannya seorang veteran mengenai Asia - telah mengadakan perbincangan yang sangat baik (dengan Dr Mahathir) di Shanghai Oktober lepas, dan presiden itu merasakan masa yang dihabiskan telah digunakan sebaiknya," Kelly berkata di pejabatnya di Jabatan Negara.

Kelly menyifatkan lawatan pada 13 hingga 15 Mei ke Washington sepatutnya telah lama dilakukan. Kedua-dua pemimpin itu berhasrat mengadakan pertemuan lebih awal bagaimanapun tidak berkesempatan kerana pertindihan jadual.

Presiden Bush merasakan Malaysia telah melakukan usaha sebenar untuk menjadi rakan dalam peperangan global terhadap keganasan, dan beliau menjemput Perdana Menteri ke Washington untuk menyatakan penghargaannya, katanya.

Sedang hubungan Amerika-Malaysia sudah sememangnya baik selama ini terutama dalam bidang pertahanan dan perdagangan, beliau mengakui bahawa memang ada berlaku percanggahan pendapat dalam politik dan ekonomi "walaupun ia tidak begitu genting sekarang."

"Pentadbiran ini tidak merasakan bahawa setiap isu memerlukan 100 peratus persetujuan setiap masa. Wujud niat yang ikhlas untuk memperkatakannya secara jujur," katanya.

Pegawai kanan Amerika itu berkata bahawa Amerika tertarik dengan cara Dr Mahathir menyuarakan pandangannya yang penuh bermakna mengenai Islam dan keganasan pada mesyuarat Davos di New York dan pada Persidangan Menteri-menteri Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Beliau menyuarakan pendapatnya dalam cara yang tiada pemimpin Islam lain berbuat demikian -- dengan tidak berkompromi pandangannya yang tersendiri."

Sementara Malaysia dan Amerika bercanggah dalam pendekatannya untuk menyelesaikan konflik di Asia Barat, Kelly berkata: "Pada akhirnya kita mahukan perkara yang sama di Asia Barat -- keamanan yang berkekalan di kawasan yang begitu bermasalah itu."

Ditanya sama ada kes Datuk Seri Anwar Ibrahim akan ditimbulkan dalam pertemuan yang mencatat sejarah itu, Kelly berkata: "Saya tidak tahu sama ada ia akan melibatkan isu Anwar - jika ia berbangkit mungkin secara umum - pentingnya mengadakan dialog ikhlas mengenai hak asasi manusia."

Kelly berkata kerajaan Amerika berharap proses rayuan Anwar akan berjalan secara telus dan adil.

Mengenai visa bagi penuntut Malaysia, Kelly memberi jaminan bahawa pentadbiran Bush tidak bertujuan untuk mengurangkan jumlah pelajar Malaysia di Amerika.

Beliau bersetuju bahawa proses visa mengambil tempoh 3 hingga 4 minggu lebih lama berikutan langkah keselamatan yang lebih ketat, tetapi

kriterianya tidak berubah.

Mengenai perjanjian membendung jenayah yang ditandatangani antara Malaysia, Indonesia dan Filipina, Kelly berkata adalah terlalu awal untuk memperkatakan mengenai keberkesanan pakatan itu dalam memerangi keganasan.

Katanya beliau akan membincangkan pakatan itu dengan rakan sekerjanya dari ketiga-tiga negara itu pada mesyuarat Forum Serantau Asean (ARF) di Brunei minggu depan.

Perjanjian itu, yang mengambil masa empat bulan untuk dirundingkan, akan mengukuhkan kawalan sempadan dan membolehkan negara-negara berkongsi senarai penumpang penerbangan, ia juga menyarankan bagi latihan ekseseis bersama, pengwujudan talian segera, prosedur standard usaha mencari dan menyelamatkan serta berkongsi usaha perisikan.

Ditanya sama ada Amerika akan menamatkan sesi latihannya di selatan Filipina dan menarik balik askarnya jika usaha bersama itu berjaya antara ketiga-tiga negara Asean berkenaan, Kelly berkata "Kita tidak akan berada di sana selamanya... tiada tekanan bagi Amerika untuk menarik diri daripada peranan semmentaranya mengadakan latihan."

Kelly berkata Amerika tiada rancangan untuk membuka pangkalan baru di Filipina.

-- BERNAMA

SH AHH RON